



MAJLIS SUKAN NEGERI PERLIS

KENYATAAN TAWARAN SEBUT HARGA

1. Sebut harga adalah dipelawa kepada **semua syarikat** yang berpengalaman, berkelayakan dan **berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia** bagi melaksanakan sebut harga bekalan seperti berikut:

NO. SEBUT HARGA	TAJUK SEBUT HARGA	KOD BIDANG	TEMPOH IKLAN SEBUT HARGA	TARIKH TUTUP IKLAN
MSNPs (S) 8/2026	Sebut Harga Membekal Dan Menghantar Peralatan Fisioterapi Dan Ubat-Ubatan Untuk Atlet Di Bawah Program Pembangunan Sukan Majlis Sukan Negeri Perlis Bagi Tahun 2026	050102 @ 050301 (Peralatan Hospital, Perubatan, Ubat-Ubatan dan Farmaseutikal / Peralatan Hospital, Bahan dan Kelengkapan Perubatan / Peralatan / Kelengkapan Perubatan) (Peralatan Hospital, Perubatan, Ubat-Ubatan dan Farmaseutikal / Perkakas, Tekstil dan Pakaian Perubatan, Pakai Buang/Guna Semula/ Perkakas Perubatan Pakai Buang	18 Mac 2026 (Rabu) hingga 30 Mac 2026 (Isnin)	30 Mac 2026 (Isnin) Jam 12.00 Tengah Hari

2. Dokumen sebut harga boleh didapati dengan harga RM10.00 dan **diedarkan bermula pada 18 Mac 2026 (Rabu)** sehingga tarikh tutup iklan di Majlis Sukan Negeri Perlis. Pembayaran perlulah dibuat secara **TANPA TUNAI** melalui portal ebayar.perlis.gov.my, kad debit atau kad kredit bermula pada tempoh iklan sebut harga dibuka. Salinan resit hendaklah dikemukakan semasa pengambilan dokumen dan **tiada bayaran yang diterima secara tunai**.
3. Hanya satu (1) dokumen sebut harga sahaja yang dikeluarkan kepada setiap penyebut harga. Sila bawa bersama cop syarikat berserta dokumen asal (bagi tujuan pengesahan) semasa mendapatkan dokumen sebut harga. Dokumen-dokumen tersebut adalah:
 - i. Kad Pengenalan;
 - ii. Sijil Pendaftaran Syarikat/ Perniagaan (SSM) yang masih sah tempoh laku;
 - iii. Sijil Aduan Pendaftaran Kementerian Kewangan dalam bidang berkaitan (Kod Bidang) yang masih sah tempoh laku; dan
 - iv. Surat Perwakilan (jika diwakilkan kepada pihak lain).
4. Dokumen sebut harga yang lengkap diisi hendaklah dan dimasukkan ke dalam sampul surat yang belakri/ *seal* yang ditulis dengan nombor siri dokumen sebut harga di sebelah kiri sampul dan di tengahnya tajuk sebut harga. Dokumen tersebut perlu dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga sebelum atau pada **30 Mac 2026 (Isnin) jam 12.00** tengah hari di alamat Majlis Sukan Negeri Perlis, Kompleks Sukan Tuanku Syed Putra, 01000 Kangar, Perlis. Sebut harga yang **LEWAT** dikemukakan **TIDAK AKAN DIPERTIMBANGKAN**.
5. Sebarang pertanyaan lanjut mengenai sebut harga ini bolehlah diajukan kepada Urus Setia Sebut Harga ditalian **04-9767406**.

